

22/06/1998

Konsortium terasa bahang gawat

KONSORTIUM Perkapalan Bhd (Konsortium), pembekal perkhidmatan logistik serantau mengunjurkan prospek jangka masa terdekat ini tidak menggalakkan kerana berada dalam pasaran yang mengalami kesukaran yang hebat.

Pengerusi Eksekutif Konsortium, Mirzan Mahathir, berkata Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina mengurangkan import mereka dengan banyaknya.

Menurutnya, pada suku pertama 1998, daya pemprosesan pelabuhan di Malaysia merosot sebanyak 7.1 peratus disebabkan pengurangan 23 peratus dalam jumlah import berbanding tahun sebelumnya.

Katanya, eksport dalam tempoh itu meningkat sebanyak enam peratus berbanding suku pertama tahun sebelumnya. Arah aliran itu berulang di kebanyakan negara Asean yang terbabit.

"Namun, perniagaan logistik Konsortium bernasib baik kerana ramai pelanggannya terdiri daripada perbadanan antarabangsa yang besar yang mengimport komponen dan barangan separuh siap dan mengeksport produk siap dalam jumlah yang besar.

"Syarikat ini pada amnya tidak terjejas oleh dasar kewangan ketat yang dikenakan oleh bank pusat dan dengan itu terus memberi sumbangan yang positif kepada aliran tunai Konsortium," katanya yang dipetik dalam Laporan Tahunan Konsortium 1997.

Menurutnya, bagaimanapun, dari semasa ke semasa, Konsortium menjangkakan kesan penuh krisis yang tidak pernah berlaku dahulu itu akan mula terasa.

"Namun demikian, prospek jangka panjang bagi kumpulan perkapalan tetap baik kerana kumpulan kenderaan kita adalah baru," katanya.

Mirzan berkata, sepanjang 1997, pengurusan Konsortium berusaha meningkatkan operasi dan meneruskan langkah penyusunan semula dengan PNSL Holdings Bhd (PHB) selain meneruskan strategi pelaksanaan untuk menempatkan Konsortium sebagai penyedia perkhidmatan logistik utama di rantau ini.

"Saya yakin rancangan kita untuk merasionalkan operasi logistik kita di darat dan laut adalah tindakan yang betul.

Mirzan berkata, perniagaan perkapalan adalah intensif modal, justeru langkah memindahkan perniagaan perkapalan ke dalam entiti senaraian awam lain akan dapat memasuki pasaran modal untuk merebut peluang yang timbul.

"Dengan itu, Konsortium akan dapat menggunakan perkhidmatan perkapalannya untuk memberikan pakej menyeluruh kepada pelanggannya," katanya.

Sehubungan itu, katanya, pada 6 Mac 1998, Konsortium mengumumkan penamatan skim penyusunan semula dengan PHB dan serentak dengan itu menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk menjual perniagaan perkapalan kepada Malaysia International Shipping Corporation (MISC).

(END)